

# **AMALAN PENYELIAAN PENGAJARAN KETUA JABATAN DAN PENINGKATAN TAHAP EFIKASI GURU**

*Vijayaletcmy Muniyandy<sup>1</sup> & Selvam Narayanasamy<sup>2</sup>*

*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas<sup>1</sup> & Open University Malaysia<sup>2</sup>*

*vijaya@ipgkik.edu.my<sup>1</sup>*

## ***Abstrak***

*Hubungan yang mantap antara Ketua Jabatan dan guru-guru dalam jabatan merupakan faktor penting dalam usaha guru-guru menyampaikan pengajaran yang berkesan. Hal ini kerana Ketua Jabatan merupakan golongan guru senior yang diberi kuasa oleh Pengetua sekolah untuk menyelia guru-gurunya. Kajian ini menonjolkan korelasi antara penyeliaan Ketua Jabatan dan efikasi guru-guru dalam menyampaikan pengajaran dalam bilik darjah. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka keberkesanannya amalan penyeliaan pengajaran oleh Ketua Jabatan yang berupaya membantu guru-guru dalam menterjemah sukanan pelajaran kepada rancangan pengajaran dengan teknik pengajaran dan pembelajaran yang relevan, mengenal pasti samada guru-guru memilih kaedah pengajaran yang sesuai, membantu guru-guru menyemai nilai-nilai generik dalam kalangan pelajar, menggalakkan guru-guru merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang mendorong penglibatan para pelajar, serta membantu guru-guru memaksimumkan penggunaan masa secara produktif. Kajian jelas menunjukkan guru-guru berasa lebih selesa dengan penyeliaan pengajaran Ketua Jabatan masing-masing dan hasil perbincangannya dapat disimpulkan bahawa peranan Ketua Jabatan sebagai pemimpin pendidikan mampu membawa perubahan yang positif.*

Kata Kunci : Ketua Jabatan, Penyeliaan Pengajaran, Efikasi Guru, Peningkatan, Pengajaran.

## ***Abstract***

*Having a strong relationship between the Head of Department and the teachers in his/her department is an important factor in an effort to ensure teachers teach effectively. This is because the Head of Department will be among the senior teachers empowered by the school principal to supervise teachers. This study shows the coorelation between the supervision rendered by the Head of Department and teachers' efficacy when teaching. The objective of this study is to explore the effectiveness of the teaching supervision practices rendered by the Head of Department to help his/her teacher interpret the curriculum to plan a lesson with relevant teaching and learning techniques, to identify if teachers select suitable teaching methods, to help teachers inculcate generic values among the students, to encourage teachers to plan teaching and learning activities that encourage student participation, as well as to help teachers maximise and use time productively. This study clearly shows that teachers feel more comfortable with supervision conducted by their own Head of department and from the discussion, it can be concluded that the role of Head of Department is able to bring positive changes.*

Keywords: Head of Department, Instructional Supervision, Teachers Efficacy, Improvement in Teaching.